

AKTA KERAJAAN TEMPATAN, 1976

UNDANG-UNDANG KECIL PENJAJA  
(MAJLIS DAERAH JOHOR BAHRU TENGAH) 1982  
AKTA 171

1. Nama dan pemakaian dan mula berkuatkuasa.
2. Tafsiran.
3. Dilarang menjaja tanpa lesen.
4. Saiz gerai.
5. Pemegang lesen tidak hadir.
6. Larangan.
7. Penjaja beredara.
8. Kereta tolak.
9. Kereta.
10. Penjaja beredara hendaklah berpindah-pindah.
11. Kayu api tidak dibenarkan.
12. Tong sampah hendaklah diadakan
13. Sampah pepejal yang basah.
14. Pelupusan sampah.
15. Tumpahan bahan busuk.
16. Bayaran.
17. Lesen salinan.
18. Fee carian.
19. Penalti.
20. Penyitaan.
21. Tuntutan ke atas barang-barang yang disita.
22. Pemansuhan.

(3)

NORAINI BT MUHAMAD @ MOHAMED  
PENGGANGGUAN  
MAJLIS DAERAH JOHOR BAHRU TENGAH



NEGERI JOHOR

SNU

3

# Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

GOVERNMENT OF JOHORE GAZETTE

PUBLISHED BY AUTHORITY

Jil. 28  
NO. 5

29hb. Mac, 1984

TAMBAHAN No. 6  
PERUNDANGAN

## J. P.U. 11.

### AKTA KERAJAAN TEMPATAN, 1976 UNDANG-UNDANG KECIL PENJAJA (MAJLIS DAERAH JOHOR BAHRU TENGAH), 1982

PADA menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 73 Akta Kerajaan Tempatan, 1976 Majlis Daerah Johor Bahru Tengah membuat dan menurut seksyen 103 Akta tersebut, Pihak Berkuasa Negeri mensahkan Undang-undang Kecil berikut:

1. Undang-undang Kecil ini bolehlah dinamakan **Undang-undang Kecil Penjaja (Majlis Daerah Johor Bahru Tengah), 1982** Akta 171. Nama, Permakaian dan mulai berkuatkuasa. dan hendaklah dipakai hanya bagi kawasan Majlis tersebut dan hendaklah mula berkuatkuasa pada 1hb. Januari, 1983.

2. Dalam Undang-undang Kecil ini, melainkan jika digunakan **Tafsiran.** ayatnya menghendaki makna yang lain—

“makan” termasuklah apa-apa barang yang digunakan sebagai makanan atau minuman oleh manusia;

“penjaja” termasuklah penjaja beredara, statik atau sementara;

“penjaja beredara” ertiinya seseorang yang dengan atau tanpa kereta pergi dari setempat ke setempat untuk mendedahkan, membahagi atau menyerahkan untuk jualan apa-apa makanan, minuman atau barang-barang dari apa-apa jenis;

“gerai berkunci” ertiinya gerai yang dibina oleh Yang Dipertua atau oleh mana-mana badan Kerajaan atau badan Berkanun yang dikelaskan sebagai demikian oleh Yang Dipertua;

“Yang Dipertua” ertiinya Yang Dipertua Majlis Daerah Johor Bahru Tengah dan termasuklah Timbalan Yang Dipertua;

"tempat awam" ertinya mana-mana lapangan terbuka, tempat letak kereta, kebun bunga, taman rekreasi dan besuka-suka atau medan, sama ada tefkepung atau tidak, yang dikhlas atau diuntukkan bagi kegunaan orang ramai atau yang terbuka kepada orang ramai pada bila-bila masa;

"gerai" termasuklah mana-mana gerai berkunci, meja, stor, bangku, bangku panjang, bakul, kerusi, kayu kandar, petak-peraga dinding, papan tunjuk dari apa-apa juá jenis atau apa-apa lain yang berkaitan dengannya sama ada mudalih atau bukan mudalih dan sama ada beroda atau tidak beroda, yang di atasnya atau di dalamnya makanan, minuman atau barang-barang dari apa-apa jenis dijual atau didedahkan untuk jualan, di mana-mana tempat persendirian atau tempat awam;

"penjaja statik" ertinya seseorang yang mendirikan gerai di sesuatu tempat awam atau tempat persendirian dan menjual atau mendedahkan untuk jualan apa-apa makanan, minuman atau barang-barang dari apa-apa jenis;

"penjaja sementara" ertinya seseorang yang kadangkala mendirikan gerai dan menjual atau mendedahkan untuk jualan apa-apa makanan, minuman atau barang-barang dari apa-apa jenis petak yang ditetapkan bagi maksud itu oleh Yang Dipertua, bagi apa-apa tempoh yang ditentukan oleh Yang Dipertua;

"kereta" termasuklah apa-apa kereta yang digerakkan dengan jentera atau selainnya dan termasuklah gadai, kereta sorong, kereta tolak, basikal, trisikal, motosikal, skuter, motokar, van, lori, vesel, bot atau rakit yang dipadankan atau digunakan bagi maksud menjaja;

**Dilarang menjaja tanpa lesen.** 3. Tiada seorang boleh bertindak sebagai penjaja tanpa lesen yang dikeluarkan oleh Yang Dipertua di bawah Undang-undang Kecil ini.

4. (1) Tiap-tiap permohonan bagi mendapatkan lesen untuk bertindak sebagai penjaja hendaklah dibuat secara bertulis kepada Yang Dipertua dalam borang yang ditetapkan oleh Yang Dipertua.

(2) Jika permohonan bagi mendapatkan lesen diluluskan, Yang Dipertua hendaklah meminta pemohon memberi dua keping fotografinya saiz pasport dengan mana pemohon boleh dikenali.

(3) Lesen hendaklah dalam borang yang ditetapkan oleh Yang Dipertua.

(4) Tiap-tiap lesen, Jain daripada yang dikeluarkan kepada penjaja beredar, hendaklah berkenaan dengan tapak atau tapak-tapak tertentu.

(5) Tiap-tiap lesen hendaklah menyatakan:

(a) tempoh sahnya lesen itu, tempoh itu hendaklah tidak lebih daripada enam bulan berakhir sama ada pada 30hb. Jun atau 31hb. Disember;

(b) Jenis makanan, minuman atau barang-barang yang akan dijual; dan

- (c) had-had, syarat-syarat dan sekatan-sekatan sebagaimana yang difikirkan oleh Yang Dipertua putut dikenakan.
- (6) Tiap-tiap lesen boleh dibatalkan oleh Yang Dipertua pada bila-bila masa tanpa memberi apa-apa sebab.
- (7) Yang Dipertua boleh menurut budibicaranya, enggan memberi atau membaharu sesuatu lesen tanpa memberi apa-apa sebab.
- (8) Tiap-tiap orang yang telah diberi lesen hendaklah mempermakn lesenya pada setiap masa di sesuatu tempat yang mudah dilihat dipremis, kereta atau gerai yang dilesen, dan hendaklah menunjukkan lesen itu bila dikehendaki berbuat demikian oleh Yang Dipertua atau mana-mana orang yang diberi kuasa oleh Yang Dipertua.
- (9) Pemegang lesen hendaklah menyerahkan balik lesenya apabila lesen itu tamat tempohnya, dibatalkan, dipotong atau digantung kepada Yang Dipertua.
- (10) Lesen tidaklah boleh dipindahmilik.
5. (1) Tiada suatu gerai lain daripada gerai yang dibina oleh Yang Dipertua atau mana-mana Badan Kerajaan atau badan Berkanun, boleh melebihi lapanbelas desimeter panjang dan sembilan desimeter lebar melainkan dikecualikan oleh Yang Dipertua secara bertulis dan hendaklah beratap sebagaimana diluluskan oleh Yang Dipertua.
- (2) Tiada suatu petak-peraga dinding boleh melebihi ukuran tiga puluh enam desimeter kali lapan belas desimeter kali tiga desimeter.
6. (1) Pemegang lesen hendaklah sentiasa hadir dan menjalankan atau mengawasi perniagaan di gerai atau petaknya, melainkan jika ia tidak dapat hadir atas sesuatu sebab yang munasabah.
- (2) Jika pemegang lesen tidak dapat menguruskan perniagaannya di gerainya selama tempoh tiga puluh hari atau lebih, ia hendaklah melantik seorang nomini mengambil tempatnya dengan terlebih dahulu mendapat kelulusan secara bertulis dengan Yang Dipertua.
- (3) Yang Dipertua tidak boleh, kecuali dalam hal keadaan yang difikirkan patut, memberi sesuatu kelulusan di bawah peruntukan-peruntukan pereangan (2) undang-undang kecil ini bagi sesuatu tempoh lebih daripada tiga bulan.
- (4) Jika seorang nomini bertindak bagi pihak seorang pemegang lesen di bawah peruntukan-peruntukan Undang-undang Kecil ini, kewajipan-kewajipan dan tanggungjawab-tanggungjawab yang dikenakan ke atas pemegang lesen di bawah Undang-undang Kecil ini hendaklah terletak ke atas nomini tersebut yang mana boleh didakwa atas apa-apa pelanggaran Undang-undang Kecil ini seolah-olah ia adalah pemegang lesen.
- (5) Bayaran sebanyak lima ringgit hendaklah di bayar oleh pemegang lesen bagi melantik seorang nomini.

Pemegang  
lesen tidak  
hadir.

**Larangan.**

7. (1) Tiada seorang penjaja boleh menjalankan perniagaannya—  
 (a) dalam lengkongan sembilan meter dari simpang jalan;  
 (b) dalam lengkongan tiga puluh desimeter dari pili bomba;  
 atau  
 (c) di atas tangga; kakilima atau tempat lapangan awam yang berturap melainkan dibenarkan oleh Kerajaan.
- (2) Tiada seorang penjaja boleh menjalankan perniagaannya dengan cara boleh menghalang atau mengganggu perjalanan jancar lalulintas kereta dua pergerakan bebas orang-orang yang berjalan kaki.
- (3) Tiap-tiap penjaja hendaklah mematuhi apa-apa arahan atau bertulis yang diberi oleh Yang Dipertua atau oleh manaj-maha orang yang diberikuasa oleh Yang Dipertua berkenaan dengan penempatan gerai, kereta atau lain-lain alat yang berkaitan dengan perniagaannya.
- (4) Tiap-tiap penjaja sementara hendaklah memindahkan, dari petak atau tapaknya, gerai, kereta atau lain-lain alat yang berkaitan dengan perniagaannya pada waktu perniagaan ditutup tiap-tiap hari atau tiap-tiap malam mengikut mana yang berkenaan.
- (5) Seorang penjaja hendaklah berumur tidak kurang daripada lapan belas tahun melainkan dikecualikan oleh Yang Dipertua.

**Penjaja beredara.**

8. Tiada seseorang boleh bertindak sebagai penjaja beredar di mana-mana jalan atau di mana-mana tempat yang dinyatakan dalam Jadual Pertama.

**Keretatalak.**

9. Keretatalak yang digunakan oleh penjaja beredar tidak boleh melebihi lapan belas desimeter panjang dan sembilan desimeter lebar dan atapnya atau kajang di atasnya tidak boleh lebih panjang daripada tiga desimeter dari mana-mana bahagian keretatalak itu.

**Kereta.**

10. Jika kereta digunakan oleh penjaja beredar saiz atau bentuk kereta itu hendaklah mengikut sebagaimana diluluskan oleh Yang Dipertua.

**Penjaja beredara hendaklah berpindah-pindah.**

11. Penjaja beredara tidak boleh tinggal tetap disuatu tempat kecuali pada waktu ia sebenarnya menjual barang-barang kepada pelanggan-pelanggan dan pada waktu ia tidak sebenarnya berbuat demikian ia hendaklah sentiasa berpindah-pindah.

12. Tiap-tiap penjaja hendaklah dikenakan pemeriksaan doktor mengikut sebagaimana diarahkan oleh Yang Dipertua.

13. Tiap-tiap penjaja hendaklah menjaga—

- (a) dirinya dan pakaianya supaya berada dalam keadaan bersih; dan  
 (b) gerai atau keretanya dan lain-lain alat yang berkaitan dengan perniagaannya supaya berada dalam keadaan bersih dan sihat dan hendaklah mencat atau mencatnya semula pada bila-bila masa sebagaimana diarahkan oleh Yang Dipertua.

14. Penjaja tidak boleh menggunakan kayu api di tempat perniagaannya bagi maksud menyediakan makanan melainkan dikecualikan oleh Yang Dipertua. Kayu api tidak dibenarkan.
15. Tiap-tiap penjaja hendaklah mengadakan tong-tong sampah atau bekas-bekas yang cukup sebagaimana perlu sebagai tempat mengisit sampah. Tong sampah hendaklah diadakan.
16. Segala sampah busuk atau sampah pepejal basah hendaklah dimasukkan ke dalam bag plastik atau lain-lain bekas yang sesuai sebelum diletakkan dalam tong sampah. Sampah pepejal yang basah.
17. Segala sampah dalam tong sampah hendaklah dilupuskan oleh penjaja mengikut cara yang diarahkan oleh Yang Dipertua. Pelupusan sampah.
18. Tiada seorang penjaja boleh menyebabkan atau memberar diletakkan, ditumpahkan, ditaburkan atau dibuang apa-apa darah, air asin, cecair buangan atau lain-lain bahan busuk dalam mana-mana longkang atau di atas mana-mana tempat awam lain. Tumpahan bahan busuk.
19. Bayaran yang kena dibayar bagi suatu lesen hendaklah sebagaimana ditetapkan dalam Jadual Kedua dan hendaklah dibayar terlebih dahulu. Bayaran.
20. Suatu lesen salinan akan dikeluarkan sekiranya lesen yang asal itu hilang dengan fee sebanyak sepuluh ringgit. Lesen salinan.
21. Fee carian bagi mana-mana lesen hendaklah sebanyak sepuluh ringgit dan hendaklah dibayar terlebih dahulu. Fee carian.
22. Seseorang yang bertindak sebagai penjaja tanpa lesen yang dikeluarkan oleh Yang Dipertua di bawah Undang-undang Kecil ini dan seseorang yang, setelah diberi lesen oleh Yang Dipertua di bawah Undang-undang Kecil ini, bertindak berlawanan dengan mana-mana peruntukan Undang-undang Kecil ini adalah bersalah atas suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, dikenakan denda tidak lebih daripada satu ribu ringgit. Penalti.
23. (1) Apa-apa barang yang dicadangkan atau didedahkan untuk jualan, bersama-sama dengan bekasnya dan apa-apa alat yang menyertainya dan juga gerai atau kereta kepunyaan orang yang tidak dilesen untuk bertindak sebagai penjaja di bawah Undang-undang Kecil ini boleh disita oleh mana-mana pegawai yang diberikuasa secara bertulis oleh Yang Dipertua dan dipindahkan ke mana-mana tempat yang ditentukan oleh Yang Dipertua dan ditahan di situ atas risiko pemunyanya. Penyitaan.
- (2) Apa-apa barang tak tahan lama yang disita di bawah perenggan (1) Undang-undang Kecil ini boleh dilupuskan mengikut cara yang ditentukan oleh Yang Dipertua.
24. Seseorang yang ada apa-apa tuntutan ke atas mana-mana barang yang telah dipindahkan dan ditahan di bawah Undang-undang Kecil 23, boleh menuntut barang-barang itu daripada Yang Dipertua dalam tempoh tiga bulan dari tarikh barang-barang itu disita tertakluk kepada apa-apa syarat yang dikenakan oleh Yang Dipertua dan tertakluk kepada pembayaran bayaran yang ditetapkan dalam Jadual Ketiga: Tuntutan ke atas barang-barang yang disita.

**Pemasukan**

Dengan syarat bahawa jika sekiranya tiada apa-apa tuntutan dibuat ke atas mana-mana barang yang telah dipindahkan atau ditahan itu dalam tempoh tiga bulan yang dinyatakan itu. Yang Dipertua boleh melupuskan barang-barang itu mengikut cara yang difikirkan patut oleh Yang Dipertua.

25. Bahagian IV Undang-undang Kecil Lembaga Bandaran 1937 mengenai perniagaan di tepi jalan sejauh mana ianya dipakai dalam kawasan Majlis Daerah Johor Bahru Tengah adalah dengan ini dimansuhkan.

**JADUAL PERTAMA**

1. Semua bahagian jalan-jalan awam yang berikut—
- (i) Sepanjang lebuhraya Senai dari km. 12.8 ke km. 19.3.
  - (ii) Sepanjang lebuhraya Pasir Gudang dari Plentong ke Masai.
  - (iii) Sepanjang Jalan Raya Johor Bahru/Kota Tinggi dari km. 20 ke km. 21.7 di Ulu Tiram.
  - (iv) Sepanjang Jalan Raya Masai dari Sekolah Menengah Masai ke persimpangan ke Pasir Gudang.
  - (v) Sepanjang Jalan Raya Johor Bahru/Masai dari km. 16 ke km. 17.5 di Plentong.
  - (vi) Sepanjang Jalan Raya Johor Bahru/Pontian dari km. 24.9 ke km. 26.5 di Kangkar Pulai.
  - (vii) Sepanjang Jalan Raya Johor Bahru/Pontian dari km. 34.5 ke km. 36.2 di Ulu Choh.
  - (viii) Sepanjang Jalan Raya Johor Bahru/Gelang Patah dari km. 24 ke km. 25.5 di Lima Kedai.

**JADUAL KEDUA**  
(Undang-undang Kecil 19)

	Minimum	Maksimum :
1. Penjaja bergerak ...	... ... ... \$ 5.00	\$10.00 sebulan
2. Penjaja statik ...	... ... ... \$10.00	\$30.00 sebulan

**JADUAL KETIGA**  
(Undang-undang Kecil 24)

Memindahkan gerai atau barang-barang ... \$ 10.00  
Bayaran menyimpan gerai atau barang-barang \$ 5.00 bagi tempoh tidak lebih daripada 7 hari dan 50 sen sehari kemudian daripadanya.

Diperbuat pada 31hb. Oktober, 1982.  
[MDJBT. (K) 6/5-18.]

**YANG DIPERTUA MAJLIS DAERAH  
JOHOR BAHRU TENGAH**

Disahkan pada 22hb. November, 1982.  
[KT. 14/17/14.]

**DATO' ABDUL AJIB BIN AHMAD, D.P.M.J., B.S.I.,  
Menteri Besar, Johor**

**J. P.U. 109.**

**LOCAL GOVERNMENT ACT, 1976**  
**HAWKERS (MAJLIS DAERAH JOHORE BAHRU TENGAH)**  
**BY-LAWS, 1982**

IN exercise of the powers conferred by section 73 of the Local Government Act, 1976 the Majlis Daerah Johore Bahru Tengah makes, and pursuant to section 103 of the said Act the State Authority confirms, the following by-laws:

1. These by-laws may be cited as the **Hawkers (Majlis Daerah Johore Bahru Tengah) By-Laws, 1982** and shall apply only to the area of the said Majlis and shall come into force on a date to be appointed by the President by notification in the *Gazette*.

Citation,  
application,  
and com-  
mencement.

Provided that licences that have been issued prior to such date shall continue to be in force until the date of expiry of such licences.

2. In these by-laws unless the context otherwise requires—

Interpre-  
tation.

“food” includes every article which is used for food or drink by man;

“hawker” includes itinerant, static or temporary hawker;

“itinerant hawker” means any person who with or without vehicle goes from place to place to expose, distribute or deliver for sale any food, drinks or goods of any kind;

“lock-up stalls” means a stall constructed by the President or by any government or statutory body classified as such by the President;

“President” means the President of the Majlis Daerah Johore Bahru Tengah and includes the Deputy President;

“public place” means any open space, parking place, garden, recreation and pleasure ground or square, whether enclosed or not, set apart or appropriated for the use of the public or to which the public shall at any time have access;

“stall” includes any lock-up stall, table, store, stool, bench, basket, chair, kandar stick, wall show-case, showboard of whatever nature or any other appurtenances whether portable or non-portable and whether on wheels or not on wheels, whereon or wherein food, drinks or goods of any kind are sold or exposed for sale in any private or public place;

“static hawker” means any person who sets up a stall in any private or public place and sells or exposes for sale any food, drinks or goods of any kind;

"temporary hawker" means any person who occasionally sets up a stall and sells or exposes for sale any food, drinks or goods of any kind in a pitch designated for such purpose by the President for such period as the President may determine;

"vehicle" includes any vehicle mechanically driven or otherwise and includes a barrow, cart, bicycle, tricycle, motorcycle, scooter, car, van, lorry, vessel, boat or raft adopted or used for the purpose of hawking.

**Prohibition to hawk without licence.** 3. No person shall act as a hawker without a licence issued by the President under these by-laws.

**Application for licence.** 4. (1) Every application for a licence to act as a hawker shall be made in writing to the President in such form as the President may determine.

(2) Where an application for a licence is granted, the President shall require the applicant to submit two passport size photographs of the applicant which shall portray a recognizable likeness of the applicant.

(3) A licence shall be in such form as the President may determine.

(4) Every licence, other than that issued to an itinerant hawker, shall be in respect of a specified site or sites.

(5) Every licence shall specify—

(a) the period for which the licence shall be valid, such period shall not exceed six months ending either on 30th June or 31st December;

(b) the type of food, drinks or goods to be sold;

(c) the terms, conditions and restrictions as the President may think fit to impose.

(6) Every licence shall be revocable by the President at any time without assigning any reason therefor.

(7) The President may at his discretion refuse to grant or renew any licence without assigning any reason therefor.

(8) Every person to whom a licence has been granted shall exhibit his licence at all times in some prominent place on the licensed premises, vehicle or stall and shall produce such licence if required to do so by the President or any person authorised by the President.

(9) A licensee shall surrender his licence, upon its expiry, revocation, cancellation or suspension, to the President.

(10) A licence shall not be transferable.

5. (1) No stall other than a stall constructed by the President or <sup>Size of stall.</sup> any government or statutory body shall exceed eighteen decimetres in length and nine decimetres in width unless exempted by the President in writing and shall have such covering as approved by the President.

(2) No wall showcases shall exceed thirty-six decimetres by eighteen decimetres by three decimetres.

6. (1) A licensee shall, unless absent for some reasonable cause, <sup>Absence of licensee.</sup> at all times be present and conduct or superintend the business at his stall or pitch.

(2) Where a licensee cannot attend to his business at his stall for a period of thirty days or more, he shall appoint a nominee in his place with the prior approval in writing of the President.

(3) The President shall not, except in such circumstances as he may think fit, grant any approval under the provisions of paragraph (2) of this by-law for any period in excess of three months.

(4) Where a nominee acts for a licensee under the provisions of this by-law, the duties and responsibilities imposed on a licensee under these by-laws shall fall upon such nominee who shall be liable to prosecution for any contravention of these by-laws as if he were the licensee.

(5) A fee of five ringgit shall be payable by a licensee for the appointment of a nominee.

7. (1) No hawker shall carry on his business—

<sup>Prohibition.</sup>

(a) within nine metres of a street junction;

(b) within thirty-six decimetres of a fire hydrant; or

(c) on a stairway, five foot-way or a public pavement unless permitted by the President.

(2) No hawker shall carry on his business in such a manner as to obstruct or to interfere with the free flow of vehicular traffic and of the free movement of pedestrians.

(3) Every hawker shall comply with such verbal or written directions that may be given by the President or by any person authorised by the President with regard to the placing of his stall, vehicle or other appurtenances relating to his business.

(4) Every temporary hawker shall remove from his pitch or site, the stall, vehicle or other appurtenances relating to his business at the close of business each day or night as the case may be.

(5) No hawker shall be less than eighteen years of age unless exempted by the President.

8. No person shall act as an itinerant hawker in any street or at any place specified in the First Schedule. <sup>Itinerant hawker.</sup>

- Handcart.** 9. The handcart used by an itinerant hawker shall not exceed eighteen decimetres in length and nine decimetres in width and the cover or awning over it shall not extend more than three decimetres beyond any part of the handcart.
- Vehicle.** 10. Where a vehicle is used by an itinerant hawker it shall be of such size or shape as may be approved by the President.
- Itinerant hawker to be on the move.** 11. No itinerant hawker shall remain stationary in any place except when actually engaged in the sale of goods to customers and when not so engaged he shall be continually on the move.
- Medical examination.** 12. Every hawker shall be subjected to such medical examination as may be directed by the President.
- Cleanliness.** 13. Every hawker shall maintain—  
 (a) his person and clothing in a state of cleanliness; and  
 (b) his stall or vehicle and other appurtenances relating to his business in a clean and sanitary condition and shall have it painted or repainted at such time as may be directed by the President.
- No firewood.** \*14. No hawker shall use firewood at his place of business for the purpose of preparing food unless exempted by the President.
- Provisions or refuse bins.** 15. Every hawker shall provide adequate refuse bins or receptacles as may be necessary for the reception of refuse.
- Wet solid refuse.** 16. All putrefiable or wet solid refuse shall be placed in plastic bags or other suitable containers before they are deposited in refuse bins.
- Disposal of refuse.** 17. All refuse in the refuse bins shall be disposed of by the hawker in such manner as may be directed by the President.
- Spilling of offensive matter.** 18. No hawker shall cause or permit to be deposited, spilled, scattered or thrown any blood, brine, waste liquid or other offensive matter into any drain or on any other public place.
- Fees.** 19. The fee payable for a licence shall be as prescribed in the Second Schedule and shall be paid in advance.
- Issue of duplicate licence.** 20. A duplicate licence may be issued in the event of loss of the original licence for a fee of ten ringgit.
- Search fee.** 21. Search fee for any licence shall be ten ringgit and shall be paid in advance.
- Penalty.** 22. Any person who acts as a hawker without a licence issued by the President under these by-laws and any person who being licensed by the President under these by-laws acts in contravention

of any of the provisions of these by-laws shall be guilty of an offence and shall be liable on conviction to a fine not exceeding one thousand ringgit.

23. (1) Any articles intended or exposed for sale together with their containers and any accompanying appliances and the stall or vehicle belonging to a person not licensed to act as a hawker under these by-laws may be seized by any officer authorised in writing by the President and removed to and detained at such place as may be determined by the President at the risk of the owner. Seizure.

(2) Any perishable articles seized under paragraph (1) of this by-laws may be disposed of in such manner as the President may determine.

24. Any person having any claim to any of the goods that have been removed and detained under by-law 23 may claim the same from the President within a period of three months from the date of seizure subject to such conditions as may be imposed by the President and subject to the payment of the fees as prescribed in the Third Schedule: Claims of seized goods.

Provided that in the event of there being no claim made to any of the goods that have been removed and detained within the specified period of three months, the goods that have been removed shall be sold by public auction or otherwise as the President may think fit.

25. The whole of Part IV of the Town Board By-laws relating to Street Trading 1937 are hereby repealed in so far as they apply to the Majlis Daerah Johore Bahru Tengah. Repeal.

#### FIRST SCHEDULE

(By-law 8)

1. The whole of the following public street—

- (i) Along the Senai Highway from 12.8 km. to 19.3 km.
- (ii) Along the Pasir Gudang Highway from Plentong to Masai.
- (iii) Along Jalan Raya Johore Bahru/Kota Tinggi from 20th km. to 21.7 km. at Ulu Tiram.
- (iv) Along Jalan Raya Masai from Sekolah Menengah Masai to the junction of Pasir Gudang.
- (v) Along Jalan Raya Johore Bahru/Masai from 16th km to 17.5 km at Plentong.
- (vi) Along Jalan Raya Johore Bahru/Pontian from 24.9 km. to 26.5 km. at Kangkar Pulai.
- (vii) Along Jalan Raya Johore Bahru/Pontian from 34.5 km. to 36.2 km. at Ulu Ohoh.
- (viii) Along Jalan Raya Johore Bahru/Gelang Patah from 24th km. to 25.5 km. at Lima Kedai.

## SECOND SCHEDULE

(By-law 19)

		<i>Minimum</i>	<i>Maximum</i>
		\$ c.	\$ c.
1. Itinerant hawker	...	5.00	10.00 per month
2. Static hawker	...	10.00	30.00 per month

## THIRD SCHEDULE

(By-law 24)

Removal of a stall or goods ... \$10.00  
 Storage fees of a stall or goods ... \$5.00 for a period not exceeding 7 days and 50 cents per day thereafter

Made this 31st day of October, 1982.  
 [MDJBT. (K) 6/5-18.]

PRESIDENT OF MAJLIS DAERAH  
 JOHORE BAHRU TENGAH,  
 SKUDAI, JOHORE BAHRU,  
 JOHORE

Confirmed this 22nd day of November, 1982.  
 [KT. 14/17/14.]

DATO' ABDUL AJIB BIN AHMAD, D.P.M.J., B.S.I.,  
*Menteri Besar, Johore*